

BAB LIMA

Rumusan Perbincangan, dan Implikasi Kajian

Pendahuluan

Maklum balas daripada guru terhadap hasil kerja pelajar merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Maklum balas ini, dapat memberi maklumat, membantu pelajar mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan, dan dapat membantu pelajar membetulkan kesilapan-kesilapan yang ada. Maklum balas daripada guru juga, boleh membantu pelajar untuk berfikir dan mendorong mereka untuk meningkatkan usaha memperbaiki kelemahan-kelemahan, terutamanya dalam kemahiran mengarang.

Kajian yang dijalankan ini telah mengumpul maklumat tentang cara dua orang guru memberi maklum balas, dan kesan maklum balas tersebut terhadap kemahiran pelajar menulis karangan. Kajian tentang maklum balas ini dibuat dalam dua aspek. Pertama, maklum balas yang guru beri dalam pelajaran-pelajaran bahasa seperti pelajaran tatabahasa, bacaan dan kefahaman, lisan, dan rumusan karangan. Tujuannya untuk melihat sejauhmanakah maklum balas yang diberikan itu dapat membantu meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan. Kedua, maklum balas yang guru beri semasa mengajar karangan, serta maklum balas bertulis terhadap hasil karangan pelajar. Kajian juga, memberi perhatian terhadap pandangan dan reaksi pelajar terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru.

Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut:

Soalan Pertama

Sejauhmanakah maklum balas yang diberi dalam pelajaran tatabahasa, bacaan dan kefahaman, lisan, dan merumuskan karangan dapat membantu pelajar dalam menulis karangan ?

Soalan Kedua

Apakah bentuk-bentuk maklum balas yang guru berikan semasa proses pengajaran karangan dan sejauhmanakah maklum balas yang diberikan dapat membantu pelajar menulis karangan ?

Soalan Ketiga

Apakah bentuk-bentuk maklum balas bertulis yang guru berikan semasa menandakan karangan pelajar ?

Soalan Keempat

Apakah aspek-aspek utama yang dipentingkan oleh guru bagi menentukan kualiti karangan pelajar ?

Soalan Kelima

Bagaimanakah reaksi pelajar dan apakah yang mereka lakukan selepas menerima balik buku karangan yang telah diperiksa oleh guru ?

Soalan Keenam

Apakah bentuk tindakan susulan yang guru lakukan selepas memeriksa dan mengembalikan buku karangan pelajar ?

Data bagi memperoleh jawapan kepada soalan-soalan di atas didapati melalui pemerhatian di bilik darjah, temu bual dengan guru dan pelajar, dan melalui bukti-bukti dokumen. Berikut, perbincangan tentang daptan kajian dan juga cadangan-cadangan

yang boleh dijalankan oleh guru untuk memperbaiki cara memberi maklum balas bagi meningkatkan proses pengajaran Bahasa Melayu.

Perbincangan Tentang Dapatan Kajian


Soalan Pertama

Sejauhmanakah maklum balas yang diberi dalam pelajaran tatabahasa, bacaan dan kefahaman, lisan, merumuskan karangan dan sebagainya dapat membantu pelajar dalam menulis karangan ?

Kajian ini mendapati maklum balas yang diberi dalam pelajaran-pelajaran bahasa seperti dalam pelajaran tatabahasa, lisan, bacaan dan kefahaman, dan merumuskan karangan, kurang membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam menulis karangan. Ini dapat dilihat daripada satu contoh pusingan pelajaran bahasa selama tiga minggu yang dikendalikan oleh Puan Afina. Setiap pelajaran ialah dua masa bergabung dan mengambil masa antara 70 minit - 80 minit.

Pelajaran-pelajaran bahasa yang dikendalikan oleh Puan Afina seperti pelajaran lisan, bacaan dan kefahaman, tatabahasa, karangan, dan merumuskan karangan bersifat 'discrete', iaitu terpisah-pisah atau berasingan antara satu pelajaran dengan pelajaran yang berikutnya. Setiap pelajaran diajar secara tersendiri dan tidak ada perkaitan atau persambungan dengan pelajaran yang seterusnya. Sebagai contoh pada minggu pertama terdapat tiga pelajaran yang berasingan diajarkan. Pertama pelajaran pemahaman daripada petikan prosa klasik; kedua, pelajaran tatabaasa, iaitu membetulkan struktur ayat, dan pelajaran ketiga ialah membuat latihan drama. Ini

dapat digambarkan seperti dalam rajah 9.



Huraian :

Pelajaran 1 - Kefahaman prosa klasik

Pelajaran 2 - Tatabahasa - membetulkan struktur ayat } Minggu 1

Pelajaran 3 - Latihan drama

Pelajaran 4 - Karangan laporan

Pelajaran 5 - Kefahaman prosa moden } Minggu 2

Pelajaran 6 - Tatabahasa - membina ayat

Pelajaran 7 - Karangan minit mesyuarat

Pelajaran 8 - Rumusan karangan } Minggu 3

Rajah 9 : Contoh Satu Pusingan Pengajaran Bahasa Oleh Puan Afina

Penyelidik mendapati maklum balas yang diberi terhadap pelajaran-pelajaran dalam minggu pertama ini, tidak banyak membantu pelajar untuk menulis sebuah karangan laporan bertajuk 'Laporan Lawatan Sambil Belajar Kelab Seni Kreatif Sekolah Menengah Setia.' Ini kerana pelajaran-pelajaran dalam minggu pertama tidak menyediakan pelajar untuk menulis sebuah karangan laporan. Cuma pelajaran tatabahasa, iaitu latihan membetulkan struktur ayat yang salah, secara tidak langsung

dapat membantu pelajar berlatih menulis ayat yang gramatis.

Kajian juga mendapati maklum balas yang guru beri dalam karangan pertama, kurang membantu pelajar menulis karangan kedua. Misalnya, dalam kes Puan Afina pelajaran karangan pertama yang dapat diperhatikan oleh penyelidik bertajuk 'Laporan Lawatan Sambil Belajar Kelab Seni Kreatif Sekolah Menengah Setia'. Pelajaran karangan kedua yang diperhatikan ialah menulis karangan minit mesyuarat. Kedua-dua karangan ini mempunyai perbezaan dari segi format karangan, isi, gaya persembahan, dan sebagainya. Maklum balas yang diberi dalam karangan pertama tidak banyak membantu pelajar untuk menulis karangan yang seterusnya.

Untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran bahasa pelajar, kemahiran bahasa yang diajarkan oleh guru mestilah dapat mengukuhkan antara satu kemahiran dengan kemahiran yang seterusnya. Dalam konteks kajian ini, guru perlu merancang dengan teliti perkara-perkara yang hendak diajarkan sekurang-kurangnya dalam masa dua minggu supaya setiap pelajaran itu ada hubung kaitnya dengan pelajaran seterusnya, khususnya untuk meningkatkan kemahiran mengarang. Contohnya, untuk latihan membaca dan memaham guru boleh memberi satu petikan laporan. Selain daripada untuk membina kemahiran membaca dan memaham, pelajar juga diberi pendedahan tentang gaya penulisan karangan laporan dan isi-isi laporan. Ini ada hubung kaitnya dengan pelajaran menulis karangan laporan dan secara langsung akan dapat membantu pelajar menulis sebuah karangan jenis laporan. Guru dapat membina kemahiran mengarang berasaskan apa yang telah dipelajari dalam pelajaran sebelumnya. Guru juga boleh menggunakan perkataan-perkataan dan istilah-istilah yang terdapat dalam petikan bacaan untuk melatih pelajar membina ayat-ayat yang gramatis. Selain daripada

itu, guru juga boleh membawa satu contoh laporan kegiatan persatuan yang pernah diterbitkan dalam majalah sekolah bagi memudahkan pelajar memahami format karangan laporan.


Pada masa pelajaran karangan, guru hanya perlu menghuraikan dan berbincang dengan pelajar cara untuk menulis karangan bentuk laporan seperti yang diperlukan. Kemahiran yang dibina dalam pelajaran-pelajaran lalu dan maklum balas yang diterima oleh pelajar, akan membantu dan memudahkan mereka untuk menghasilkan sebuah karangan laporan.

Penyelidik juga mencadangkan supaya karangan pertama yang dipelajari oleh pelajar mempunyai kaitan dengan karangan yang seterusnya. Misalnya, jika karangan pertama pelajar menulis tentang laporan kegiatan sebuah persatuan, dalam karangan kedua pelajar boleh pula menulis tentang laporan lawatan ke sesuatu tempat. Tujuannya supaya maklum balas yang diberi oleh guru dalam karangan pertama dapat digunakan oleh pelajar untuk memperbaiki kualiti karangan yang seterusnya.

Soalan Kedua

Apakah bentuk-bentuk maklum balas yang guru berikan semasa pengajaran karangan dan sejauhmanakah maklum balas yang diberikan dapat membantu pelajar menulis karangan ?

Guru memberi penerangan dan maklum balas secara lisan semasa mengajar pelajaran karangan dalam bilik darjah. Rajah berikut menunjukkan salah satu contoh proses pengajaran pelajaran karangan yang dikendalikan oleh Puan Afina .



Rajah 10 : Maklum Balas Guru Semasa Proses Pengajaran Karangan Laporan

Rajah 10 menunjukkan, Puan Afina memulakan pelajaran karangan laporan dengan meminta pelajar menyalin format karangan jenis laporan. Seterusnya, guru menerangkan maksud laporan. Selepas itu, guru menulis tajuk karangan di papan tulis, iaitu 'Laporan Lawatan Sambil Belajar Kelab Seni Kreatif Sekolah Menengah Setia.' Seterusnya, guru menerangkan cara menulis bahagian-bahagian dalam laporan karangan yang terdiri daripada cara menulis pendahuluan, isi-isi karangan dan cara menulis penutup laporan. Semasa menerangkan bahagian-bahagian ini, guru mengemukakan soalan-soalan kepada pelajar seperti apa tujuan lawatan diadakan, apakah keistimewaan yang ada di tempat yang dilawati, apa faedah yang diperoleh daripada lawatan, dan sebagainya. Melalui soal jawab ini, dan berdasarkan maklum balas yang diberi oleh guru, pelajar mendapat maklumat tentang lawatan yang dikendalikan oleh Pesatuan Kelab Seni Kreatif.

Kajian menunjukkan guru banyak memberi penerangan secara lisan semasa

mengajar pelajaran karangan. Selain daripada memberi penerangan, guru juga memberi peluang kepada pelajar untuk berbincang dengan rakan di sebelah tentang isi-isi penting yang sesuai dengan tajuk karangan. Guru juga mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk karangan untuk mencungkil pendapat pelajar.

Kajian juga mendapati tumpuan pengajaran guru dalam dua masa yang diperuntukkan untuk pelajaran karangan ini ialah kepada 'apa yang perlu ada dalam karangan' dan bukan kepada 'bagaimana untuk mengarang sesuatu tajuk karangan'. Oleh kerana guru banyak memberi tumpuan kepada cara untuk mendapatkan isi karangan, dan kurang kepada cara bagaimana hendak menulis karangan, akibatnya pelajar sukar menghasilkan sebuah karangan laporan yang baik. Pelajar mempunyai banyak isi karangan, tetapi mereka kurang faham cara untuk menyampaikan atau menghuraikan isi-isi tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan guru berkepercayaan bahawa karangan yang baik ialah karangan yang mempunyai banyak isi dan kurang menitikberatkan tentang cara persembahan sesebuah karangan. Guru 'dipengaruhi' dengan skema pemarkahan peperiksaan Bahasa Melayu SPM yang memperuntukkan banyak markah untuk isi berbanding dengan gaya persembahan , bahasa, dan sebagainya.

Penyelidik mencadangkan guru mestilah memberi penerangan dan maklum balas yang jelas dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan cara untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik. Misalnya, cara menulis pendahuluan yang baik, cara menghuraikan isi-isi penting, cara membina sesebuah perenggan, dan cara menulis penutup karangan. Ini akan dapat membantu pelajar untuk menghasilkan sebuah karangan yang berkesan.

Guru juga boleh memberi contoh karangan sebenar bagi memudahkan kefahaman pelajar tentang tajuk karangan yang akan dipelajari. Misalnya, dalam karangan laporan, guru boleh membawa satu contoh laporan lawatan yang pernah diterbitkan oleh majalah sekolah atau lain-lain penerbitan dan ditunjukkan kepada pelajar. Guru boleh menggunakan contoh laporan ini sebagai asas untuk menerangkan format laporan dan cara menyusun isi laporan. Ini akan membantu pelajar memahami dengan jelas cara untuk menulis karangan laporan. Bagi karangan jenis perbahasan pula, guru perlu memberi banyak bimbingan terutamanya cara untuk memulakan perbahasan dan juga cara untuk menghuraikan setiap isi agar penyampaiannya jelas, menyakinkan dan boleh menarik perhatian pendengar.

Soalan Ketiga.

Apakah bentuk-bentuk maklum balas bertulis yang guru berikan semasa menandakan karangan pelajar ?

Kajian mendapati guru menggunakan beberapa cara untuk memberi maklum balas bertulis terhadap karangan pelajar. Pertama, kepada kesilapan-kesilapan seperti ejaan, tanda bacaan, perbendaharaan kata, tatabahasa, dan sebagainya. Bagi menandakan kesilapan-kesilapan ini, guru menggunakan berbagai cara seperti membuat bulatan pada perkataan atau ejaan yang salah, membuat garisan panjang pada ayat-ayat yang tergantung atau tidak betul strukturnya, membuat tanda palang pada kesilapan cara menulis 'di' yang berfungsi sebagai kata depan atau imbuhan, dan sebagainya. Selain daripada menandakan kesilapan, guru juga memberikan

pembetulan kepada beberapa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Guru juga menggunakan beberapa simbol seperti tanda soal (?) yang digunakan kepada ayat-ayat yang tidak jelas penerangannya. Kata-kata singkatan seperti ej. menunjukkan kesilapan dalam ejaan, dan bhs. menunjukkan kesilapan dalam bahasa, juga digunakan.

Guru juga memberi maklum balas bertulis terhadap isi karangan. Komen-komen bertulis ini ditulis di bahagian tertentu karangan seperti di bahagian pendahuluan, bahagian isi karangan, dan juga di akhir karangan, iaitu selepas markah keseluruhan diberi. Maklum balas bertulis selalunya dalam bentuk satu perkataan atau frasa seperti 'huraikan', 'ayat', 'huraian baik', 'format baik', 'hafalkan format', dan sebagainya. Maklum balas bertulis juga diberikan dalam bentuk ayat-ayat pendek seperti 'semua isi di sini perlu dihuraikan dan diperenggarkan berasingan', 'memperlihatkan ayat-ayat yang agak baik tetapi belum begitu matang mengupas isi dalam bahagian dua, dan sebagainya. Komen-komen bertulis ini ditulis secara am.

Penyelidik mendapati maklum balas yang diberi terhadap kesilapan-kesilapan yang berbentuk mekanis seperti kesilapan ejaan, perbendaharaan kata, ayat dan sebagainya kurang membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis para pelajar. Penyelidik mendapati pada karangan-karangan yang seterusnya, pelajar masih melakukan kesilapan-kesilapan yang sama. Ini terutamanya kepada kesilapan cara menulis 'di' atau 'ke' yang berfungsi sebagai imbuhan atau kata depan. Pelajar juga masih melakukan kesilapan-kesilapan yang berulang seperti menulis dengan menggunakan kata singkatan, ayat yang tergantung, ejaan yang salah, dan pemilihan perkataan yang kurang tepat.

Penyelidik juga mendapati komen-komen bertulis yang diberi oleh guru

terhadap isi karangan kurang dapat membantu pelajar memperbaiki kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan. Ini kerana, maklum balas bertulis yang diberikan bersifat umum seperti 'huraikan', 'hafalkan format', 'tingkatkan kematangan anda dan sebagainya. Maklumat yang ringkas dan am ini tidak banyak memberi maklumat tambahan yang boleh membantu pelajar memperbaiki kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Dapatkan ini menyokong dapatan oleh pengkaji terdahulu seperti Zamel (1985), Goh Soon Guan (1986), Lim Siew Kim (1994), dan Siti Zaleha Abdullah Sani (1995).

Penyelidik mencadangkan maklum balas terhadap aspek mekanis seperti kesilapan ejaan, perbendaharaan kata, pemilihan perkataan, dan sebagainya tidak perlu diberi penekanan yang keterlaluan. Aspek ini kurang memberi kaitan secara langsung ke atas kualiti sesebuah karangan. Ia juga kurang membantu dalam meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan. Guru sebaiknya, mengingatkan pelajar supaya menyemak terlebih dahulu dengan teliti hasil karangan mereka sebelum dihantar kepada guru. Tujuannya supaya kesilapan-kesilapan mekanis ini dapat dielakkan. Guru juga boleh meminta pelajar menyemak buku rakan mereka dan menandakan kesilapan-kesilapan mekanis yang terdapat. Selepas pelajar membetulkan kesilapan-kesilapan mekanis yang terdapat dalam karangan mereka, barulah karangan tersebut dihantar kepada guru.

Penyelidik juga mencadangkan sekiranya guru menggunakan simbol-simbol tertentu semasa menandakan karangan pelajar seperti ej., bhs., //, anak panah, dan sebagainya, makna simbol-simbol ini mestilah diterangkan pada peringkat awal lagi. Tujuannya supaya pelajar mengetahui apa yang guru maksudkan apabila simbol-simbol tersebut terdapat dalam karangan mereka. Guru tidak boleh mengandaikan

pelajar telah mengetahui makna simbol-simbol tersebut melalui guru karangan mereka yang terdahulu.

Penyelidik mencadangkan supaya guru memberi maklum balas bertulis secara lebih khusus dan tidak mengelirukan pelajar. Maklum balas yang diberi mesti dapat memberi maklumat apa yang salah atau tidak menepati, dan seterusnya dapat memberi cadangan bagaimana pelajar boleh memperbaiki kesilapan yang ada. Misalnya, maklum balas seperti 'huraikan' boleh ditukar kepada 'apakah atau sebutkan kegiatan-kegiatan yang dijalankan sepanjang hari'. Maklum balas yang jelas dan mengandungi maklumat boleh membantu pelajar membuat pembetulan secara individu. Guru juga boleh meminta pelajar membacakan satu contoh karangan yang baik, dan seterusnya meminta pelajar mengikut contoh karangan tersebut semasa membuat pembetulan.

Sekiranya terdapat ramai pelajar melakukan kesalahan yang sama, misalnya pendahuluan karangan tidak tepat, guru boleh membacakan contoh-contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dan menerangkan cara yang betul untuk menulis pendahuluan. Selepas guru memberi penerangan, guru perlu memastikan pelajar membuat pembetulan.

Kajian juga mendapati ada maklum balas yang kurang difahami oleh pelajar. Misalnya, maklum balas 'tingkatkan kematangan anda'. Pelajar tidak faham kematangan dari segi apa yang dimaksudkan oleh guru. Sebaiknya, guru memberi maklum balas yang mudah dan boleh difahami agar pelajar boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Guru juga boleh mengadakan perbincangan secara individu untuk menjelaskan maklum balas yang tidak difahami oleh pelajar. Perbincangan secara individu ini penting kerana pelajar melakukan kesilapan yang berbeza.

Soalan Keempat

Apakah aspek-aspek utama yang dipentingkan oleh guru bagi menentukan kualiti karangan pelajar ?

Kajian mendapati bagi menentukan kualiti karangan seseorang pelajar, kedua-dua orang guru memberi tumpuan kepada banyaknya isi yang terdapat dalam karangan pelajar. Jika karangan mempunyai banyak isi dan bebas daripada kesilapan-kesilapan ejaan, tatabahasa, tanda bacaan, pemilihan kata, dan sebagainya, markah tinggi akan diberikan kepada karangan tersebut.

Kedua-dua orang guru didapati kurang memberi perhatian terhadap aspek bagaimana sesuatu isi itu harus disampaikan, apa yang dipentingkan ialah jumlah isi yang disampaikan. Guru juga kurang memberi penekanan kepada aspek gaya, persembahan karangan, dan keutuhan perenggan dalam sesebuah karangan bagi menentukan kualiti sesebuah karangan. Ini kerana tidak banyak maklum balas yang berkaitan dengan aspek-aspek ini diberikan. Contohnya, dalam karangan perbahasan yang bertajuk ' Gejala sosial yang melanda remaja pada hari ini disebabkan oleh kecuaian ibu bapa. ' Bahaskan. Guru kurang memberi penekanan bagaimana cara sesuatu isi itu harus dihuraikan agar penyampaiannya jelas dan dapat menarik perhatian pembaca.

Pada pendapat penyelidik selain daripada isi, kekuatan sesebuah karangan juga terletak kepada pengolahan isi yang jelas dan gaya persembahan yang menarik. Penyelidik mencadangkan, bagi meningkatkan kemahiran menulis pelajar, maklum

balas guru mestilah ditumpukan kepada cara penghuraian isi karangan, kesatuan idea dalam sesebuah perenggan, perkaitan di antara satu perenggan dengan perenggan yang seterusnya, dan sebagainya. Walaupun perkara ini lebih sukar dilakukan, tetapi penelitian guru terhadap perkara-perkara ini boleh membantu meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan. Ini kerana, apabila guru memberi maklum balas terhadap perkara-perkara ini, pelajar perlu memikirkan semula cara untuk memperbaiki persempahan karangan mereka agar lebih berkesan dan dapat menarik perhatian pembaca. Ini dapat membantu pelajar memperbaiki kualiti karangan mereka.

Soalan Kelima

Bagaimanakah reaksi pelajar dan apakah yang mereka lakukan selepas menerima balik buku karangan yang telah diperiksa oleh guru ?

Kajian mendapati keseluruhan pelajar yang ditemui bual bersetuju bahawa maklum balas yang diberi oleh guru penting untuk mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan, dan seterusnya dapat membantu mereka membuat pembetulan. Komen-komen bertulis yang disukai oleh pelajar ialah komen-komen bersifat positif yang memuji kekuatan karangan mereka. Komen-komen sebegini dapat meningkatkan motivasi mereka untuk terus menulis. Walaupun begitu, didapati ramai pelajar yang boleh menerima komen-komen negatif seperti komen terhadap isi yang tidak mencukupi, komen terhadap kesilapan-kesilapan ayat yang dilakukan, komen tentang pendahuluan yang tidak tepat, dan sebagainya. Mereka menganggap komen-komen ini sebagai cabaran untuk mereka memperbaiki, dan seterusnya meningkatkan kemahiran

menulis karangan.

Pelajar-pelajar juga suka komen yang panjang seperti satu ayat berbanding dengan komen yang pendek seperti satu perkataan sahaja. Ini menyokong dapatan Keh (1990), yang menunjukkan maklum balas satu perkataan kurang membantu berbanding maklum balas yang panjang kerana memberi lebih banyak maklumat.

Selain daripada komen bertulis, maklum balas yang paling disukai oleh pelajar ialah markah. Markah boleh menggambarkan pencapaian atau prestasi kebolehan mengarang mereka. Walaupun begitu, mereka mengakui markah sahaja tidak dapat membantu mereka mengenal pasti kelemahan atau kesilapan yang dilakukan. Oleh itu markah perlu diikuti dengan komen-komen bertulis.

Kajian juga mendapati tindakan susulan yang diambil oleh pelajar selepas menerima balik buku karangan ialah mereka akan membuat pembetulan. Pembetulan yang mereka lakukan ialah kepada kesilapan-kesilapan ejaan, perbendaharaan kata, tanda bacaan, dan sebagainya. Pelajar membuat pembetulan ini kerana maklum balas yang guru beri lebih menumpukan kepada kesilapan-kesilapan jenis ini. Pembetulan pada peringkat mekanis ini kurang dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis mereka. Ada juga terdapat sebilangan pelajar yang tidak langsung memberi perhatian terhadap pembetulan.

Penyelidik mencadangkan, sebaiknya guru memberi banyak komen berbentuk positif bagi menggalakkan pelajar menulis bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan. Komen-komen ini boleh dicatatkan di margin bersebelahan dengan idea-idea yang menarik yang dikemukakan oleh pelajar. Ini bertujuan supaya pelajar terus mengetahui di bahagian mana dalam karangan mereka yang mengandungi huriaian isi

atau idea yang menarik.

Penyelidik juga mencadangkan supaya guru memberi perhatian lebih serius terhadap membuat pembetulan. Guru perlu memastikan pelajar membuat pembetulan, terutamanya pembetulan yang berkaitan dengan cara menghuraikan isi karangan, cara persempahan karangan, memerenggarkan karangan, dan sebagainya. Pembetulan sebegini dapat membantu pelajar meningkatkan kualiti penulisan mereka.

Soalan Keenam

Apakah bentuk tindakan susulan yang guru lakukan selepas memeriksa dan mengembalikan buku karangan pelajar ?

Kajian mendapati tindakan susulan yang diambil oleh guru selepas karangan diperiksa dan dikembalikan kepada pelajar ialah guru akan membuat penerangan secara ringkas tentang kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Guru akan menerangkan secara ringkas daripada bahagian pendahuluan hingga ke bahagian penutup karangan. Biasanya, guru mengambil contoh-contoh karangan pelajar yang baik untuk dibacakan bahagian-bahagian tertentu dalam karangan tersebut kepada seluruh kelas. Misalnya, membacakan bahagian pendahuluan yang baik atau membacakan bahagian isi yang mempunyai huraihan dan contoh-contoh yang baik. Selepas memberi penerangan, guru akan meminta pelajar menyemak semula buku karangan mereka dan menyuruh pelajar membuat pembetulan. Bagi pelajar yang amat lemah, guru akan memanggil pelajar tersebut dan membuat penerangan atau membantu pelajar membetulkan kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan secara individu.

Penerangan secara lisan ini dilakukan secara ringkas, sepintas lalu dan menyeluruh kepada satu kelas. Satu contoh penerangan secara lisan yang diberi oleh guru:

... keseluruhan karangan yang kamu hasilkan memuaskan. Tetapi kelemahan utama kamu ialah tidak menghuraikan isi-isi utama dengan contoh-contoh yang menyakinkan untuk menyokong isi utama. Kamu juga masih banyak melakukan kesalahan-kesalahan ejaan dan struktur ayat. Saya harap cuba baiki kesalahan-kesalahan ini, kerana ini akan membazir markah. Setiap kesalahan akan dipotong markah dalam peperiksaan.

Pada pemerhatian pengkaji, komen secara lisan ini kurang berkesan dan tidak memberi banyak maklumat kepada pelajar. Maklum balas ini kurang berkesan kerana ia diberikan secara umum dan pelajar tidak mengambil catatan dan kurang memberi perhatian kepada apa yang dijelaskan oleh guru. Pelajar kurang memberi perhatian mungkin kerana mereka tidak melakukan kesilapan yang diterangkan oleh guru.

Penyelidik mencadangkan dalam tindakan susulan ini, guru memberi maklum balas yang khusus kepada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Misalnya, guru mengambil satu contoh kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar. Contohnya ayat yang tergantung. Guru catatkan ayat tersebut di papan tulis dan kemudian meminta semua pelajar meneliti ayat tersebut. Seterusnya, guru membimbing pelajar cara untuk memperbaiki ayat tersebut dan kemudian minta pelajar mencatatkan dalam buku karangan. Cara ini boleh memastikan pelajar mengambil berat tentang apa yang diterangkan oleh guru.

Kajian juga mendapati aspek pembetulan kurang diberi perhatian oleh guru dan pelajar. Guru kurang menekankan membuat pembetulan karangan walaupun kepada pelajar-pelajar yang lemah. Pembetulan yang dilakukan oleh pelajar hanya terhad

kepada membetulkan semula kesilapan-kesilapan yang bersifat mekanis sahaja, seperti membetulkan kesilapan-kesilapan ejaan sahaja. Perkara ini berlaku mungkin kerana maklum balas yang guru beri juga lebih berfokus kepada kesilapan-kesilapan mekanis sahaja. Walaupun guru ada menandakan dengan satu garisan panjang tentang kesilapan ayat dalam satu-satu perenggan yang dilakukan oleh pelajar, tetapi melalui penyemakkan buku karangan pelajar, didapati pelajar tidak membuat pembetulan untuk menulis semula ayat-ayat yang salah ini.

Penyelidik mencadangkan supaya guru memberi perhatian kepada aspek pembetulan. Tujuannya supaya pelajar dapat mengenal pasti kesalahan yang dilakukan dan seterusnya, dapat berlatih untuk memperbaikinya. Cara ini dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran mereka untuk menulis karangan.

Penyelidik juga ingin memberi beberapa cadangan lain yang boleh diambil oleh guru untuk memperbaiki cara memberi maklum balas terhadap karangan pelajar.

Apabila guru menandakan buku karangan pelajar, guru boleh memberi fokus kepada satu-satu bahagian sahaja pada satu-satu masa tertentu. Misalnya, jika karangan jenis laporan guru boleh memberi perhatian kepada format karangan dan perkembangan isi karangan. Pada karangan jenis perbahasan guru boleh memberi tumpuan kepada aspek penyampaian isi karangan dan gaya persembahan karangan. Pada karangan bentuk cerpen guru boleh memberi tumpuan kepada gaya penulisan sahaja. Pada karangan yang lain pula guru boleh memberi perhatian kepada kesilapan-kesilapan mekanis yang dilakukan oleh pelajar. Cara ini dapat menjimatkan masa kerana guru menumpukan kepada satu aspek sahaja pada satu-satu masa semasa menandakan buku karangan pelajar. Pelajar juga mendapat manfaat kerana mereka

akan menumpukan perhatian kepada satu-satu jenis kesilapan sahaja. Cadangan ini menyokong dapatan Sommers (1982), yang menyatakan pemikiran pelajar terarah kepada sesuatu perkara dan guru pula dapat mengenal pasti secara jelas aspek-aspek mana yang menjadi kelemahan pelajar apabila menghasilkan sesebuah karangan.

Guru juga boleh mengurangkan tugas menanda buku karangan pelajar dengan melibatkan pelajar membaca dan menandakan buku karangan pelajar lain. Pelajar diberi tugas membaca karangan rakan dan meminta mereka memberi makum balas terhadap karangan tersebut. Dengan cara ini, pelajar boleh dilatih untuk membuat penyemakan, melatih mereka meneliti dan memberi komen terhadap tugas orang lain. Selepas memberi komen, karangan tersebut dikembalikan semula dan pelajar perlu membuat pembetulan berdasarkan komen yang diberi oleh rakan. Selepas membuat pembetulan, karangan tersebut diserahkan kepada guru. Bagi memudahkan tugas ini, guru boleh menyediakan satu senarai semak untuk dijadikan panduan oleh pelajar. Senarai semak mengandungi perkara-perkara seperti apa yang menarik tentang karangan, adakah isi-isi yang disampaikan jelas, adakah perkembangan isi dalam setiap perenggan jelas, kesilapan-kesilapan mekanis yang terdapat, dan sebagainya.

Satu lagi cara yang boleh guru gunakan ialah dengan menyediakan satu karangan contoh. Guru bersama pelajar memeriksa dan berbincang tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam karangan contoh ini seperti dari segi ketepatan isi berdasarkan tajuk karangan, gaya persempahan, penyusunan isi, dan juga terhadap kesilapan-kesilapan mekanis yang terdapat dalam karangan contoh tersebut. Selepas berbincang dan pelajar telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam karangan contoh tersebut, guru boleh meminta pelajar menulis sebuah karangan

yang hampir sama dengan tajuk karangan yang dibincangkan tadi. Berkemungkinan besar melalui cara ini pelajar tidak banyak melakukan kesalahan dalam karangan yang dihasilkan.

Guru juga boleh meningkatkan motivasi pelajar menulis karangan dengan cara mempamerkan karangan-karangan pelajar yang baik. Selain daripada memberi penghargaan kepada penulisnya, karangan tersebut boleh dijadikan contoh atau panduan kepada rakan-rakan yang lain.

Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini boleh membawa beberapa implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa dan khususnya dalam pengajaran karangan.

Pengajaran secara 'discrete' menyebabkan pemikiran pelajar tidak mempunyai kesinambungan antara satu pelajaran dengan pelajaran yang seterusnya. Ini menyebabkan kemahiran-kemahiran yang cuba dibina dalam setiap pelajaran bahasa tidak dapat saling mengukuhkan antara satu pelajaran dengan pelajaran yang seterusnya. Maklum balas yang diberi dalam setiap pelajaran juga, hanya khusus untuk pelajaran pada hari itu sahaja dan tidak saling memperkuuh dengan pelajaran yang seterusnya. Oleh itu, maklum balas yang diberikan dalam setiap pelajaran juga kurang dapat membantu pelajar untuk menghasilkan satu karangan yang baik. Ini kerana pelajaran-pelajaran yang hendak diajar tidak dirancang dengan teliti dan tidak mempunyai kaitan dengan tajuk karangan yang akan ditulis.

Menulis karangan memerlukan banyak persediaan dari segi mendapatkan isi,

memahamkan isi, memilih isi yang sesuai, menyusun semula isi, dan sebagainya. Oleh itu, adalah penting bagi guru memikirkan semula bagaimana pelajaran yang diajar sebelum menulis karangan dapat membantu pelajar bagi menyediakan mereka dengan tugas menulis karangan. Contohnya, persediaan dari segi mencari dan memahami isi boleh dijalankan dalam pelajaran bacaan dan kefahaman dengan mengambil petikan yang hampir sama dengan tajuk karangan yang hendak ditulis. Ini bermakna, maklum balas yang guru beri dalam pelajaran bacaan dan kefahaman ini telah memberikan pelajar persediaan awal atau latar belakang tentang karangan yang hendak ditulis. Guru perlu merancang pelajaran bahasa yang hendak disampaikan kepada pelajar secara sistematis supaya pelajaran sebelum karangan dapat memberi maklumat bagi memudahkan pelajar menulis.

Pelajar didapati banyak menulis atau menyiapkan tugas mengarang di rumah. Oleh itu, semasa pelajaran karangan dalam kelas guru mestilah dapat memberi panduan dan penerangan yang jelas tentang apa yang perlu ditulis dan bagaimana hendak menulis sesuatu tajuk karangan tersebut. Guru perlu memberi penekanan bagaimana sesuatu isi itu boleh disampaikan dengan jelas dan berkesan. Ini kerana, kelemahan utama pelajar ialah mereka mempunyai banyak isi tetapi kurang mahir untuk menghurai atau menyampaikan isi tersebut dengan berkesan. Penerangan yang jelas dalam kelas boleh membantu pelajar menyambung tugas mengarang dengan di rumah.

Apabila menandakan buku pelajar, fokus guru ialah terhadap aspek-asek mekanis sesebuah karangan seperti membetulkan kesilapan-kesilapan ejaan, tanda bacaan, pemilihan perkataan, dan sebagainya. Akibatnya pembetulan yang dilakukan oleh pelajar juga pada peringkat mekanis sahaja, seperti membetulkan kesilapan ejaan

sebanyak tiga kali dan sebagainya. Oleh itu, guru perlu memikirkan semula fokus maklum balas bertulis mestilah kepada cara untuk menghuraikan isi yang berkesan, gaya persembahan sesebuah karangan, keutuhan dalam sesebuah perenggan, pertalian antara satu perenggan dengan perenggan yang seterusnya, dan sebagainya. Walaupun perkara ini lebih sukar dilakukan berbanding dengan hanya menandakan kesalahan-kesalahan mekanis, tetapi pembetulan pada peringkat ini boleh membantu meningkatkan kualiti sesebuah karangan. Guru juga perlu memastikan pelajar membuat pembetulan terhadap kesilapan-kesilapan yang ditandakan.

Maklum balas yang guru beri mestilah sesuai dan seiring dengan tujuan yang hendak dicapai dalam satu-satu pelajaran. Misalnya, jika tujuan guru memberi maklum balas ialah supaya pelajar boleh memperbaiki cara penyampaian isi karangan, maka maklum balas yang diberi mestilah khusus ke arah itu. Ataupun, jika tujuan guru memberi maklum balas untuk membantu pelajar memperbaiki cara membina ayat, maka maklum balas mestilah khusus kepada cara yang boleh membantu pelajar memperbaiki cara membina ayat. Maklum balas secara berkesan ini, dapat membantu pelajar dengan jelas mengenal pasti kesalahan yang telah dilakukan dan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya ekoran daripada maklum balas yang diberikan. Maklum balas yang jelas dan berkesan ini, boleh membantu meningkatkan penguasaan kemahiran menulis pelajar. Oleh itu, guru perlu sedar tentang peranan maklum balas ialah untuk menunjukkan kesilapan pelajar, memberi cadangan atau maklumat agar pelajar boleh memperbaikinya. Memberi maklum balas bukan setakat mencari kesalahan pelajar sahaja.

Ada maklum balas yang diberikan tidak difahami oleh pelajar, implikasinya

pelajar tidak mengambil endah apa yang guru catatkan dan tidak membuat pembetulan. Oleh itu, guru perlu sedar dan memikirkan semula sejauh manakah pelajar faham akan maklum balas yang diberikan. Ini kerana, berdasarkan temu bual yang dijalankan didapati ramai pelajar yang tidak faham akan maklum balas yang guru berikan kerana sifatnya yang terlalu umum. Misalnya, maklum balas seperti, 'tingkatkan kematangan kamu.' Kematangan apakah yang guru maksudkan? Adakah kematangan menghuraikan isi, kematangan membina ayat, atau kematangan menyusun idea-idea dalam satu perenggan yang berasingan? dan bagaimanakah kematangan itu boleh ditingkatkan? Maklum balas yang guru beri mestilah yang mudah difahami oleh pelajar agar mereka boleh mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Seterusnya, beberapa cadangan untuk penyelidikan selanjutnya. Cadangan ini berdasarkan beberapa batasan yang terdapat daripada kajian yang telah dijalankan ini.

Cadangan Untuk Penyelidikan Selanjutnya

Kajian yang dijalankan secara kajian kes ini hanya melibatkan dua orang guru dan enam orang pelajar. Oleh kerana itu, dapatan kajian ini tidak boleh membuat satu generalisasi tentang cara keseluruhan guru di sekolah menengah memberi maklum balas terhadap pembelajaran bahasa dan kepada pelajaran karangan. Oleh itu hasil daripada dapatan yang diperoleh melalui kajian ini, beberapa cadangan boleh difikirkan bagi penyelidikan selanjutnya.

Kajian secara 'survey' boleh dijalankan di atas tajuk yang sama. Melalui kaedah 'survey' akan dapat satu gambaran secara lebih luas tentang keadaan sebenar yang

berlaku di sekolah-sekolah. Kaedah 'survey' menggunakan peserta kajian yang lebih ramai yang dipilih daripada beberapa buah sekolah. Data yang diperoleh mungkin boleh memberikan gambaran lebih jelas tentang banyak perkara seperti cara guru memberi maklum balas, fokus utama guru apabila menandakan buku pelajar, bentuk-bentuk maklum balas yang diberikan, cara guru mengendalikan pengajaran dan pembelajaran karangan, dan sebagainya.

Selain daripada guru dan pelajar tingkatan empat, pemilihan peserta kajian juga boleh dipilih daripada guru-guru dan pelajar yang berada di tingkatan satu, dua, atau pun di sekolah rendah. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat adakah aspek memberi maklum balas ini telah diberi perhatian sejak awal lagi.

Hasil daripada dapatan kajian juga menunjukkan guru dan pelajar kurang mengambil berat terhadap aspek membuat pembetulan. Oleh itu, boleh dibuat satu kajian khusus tentang aspek pembetulan sahaja. Aspek pembetulan oleh pelajar berkait rapat dengan cara maklum balas yang diberi oleh guru dan juga aspek tindakan susulan yang dijalankan oleh guru selepas buku karangan dipulangkan kepada pelajar. Oleh itu, melalui kajian terhadap aspek pembetulan oleh pelajar, boleh dikenal pasti maklum balas dan tindakan susulan yang bagaimana yang boleh memastikan pelajar mengambil berat terhadap pembetulan dan bukan setakat membuat pembetulan peringkat mekanis sahaja.

Semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran karangan, ada kalanya guru menjalankan aktiviti kumpulan bagi mendapatkan isi-isi karangan atau bagi membincangkan sesuatu tajuk karangan. Satu kajian khusus tentang bentuk interaksi dan proses interaksi yang berlaku dalam kumpulan semasa perbincangan dijalankan,

boleh dilakukan. Ini bertujuan untuk melihat jenis-jenis interaksi dalam kumpulan dan adakah interaksi dalam kumpulan ini dapat meningkatkan kemahiran menulis pelajar-pelajar.

Penutup

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran guru terhadap perancangan dan pengendalian pengajaran bahasa secara terancang agar dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran. Kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran guru terhadap aspek memberi maklum balas, sama ada maklum balas secara lisan ataupun secara bertulis. Tujuannya supaya maklum balas yang guru beri bermanfaat kepada pelajar bagi membolehkan mereka memperbaiki dan mengenal pasti sendiri kesilapan-kesilapan yang telah mereka lakukan. Kesedaran tentang memberi maklum balas secara berkesan juga penting agar masa yang guru peruntukkan untuk menanda karangan pelajar tidak sia-sia begitu sahaja. Sebaliknya, masa yang diberikan untuk menanda dan memberi maklum balas dapat memberi manfaat kepada pelajar. Maklum balas yang diberi boleh memberi panduan kepada pelajar untuk memperbaiki sendiri kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan bagi meningkatkan mutu penulisan karangan.